



Sebuah kenderaan yang diambil tindakan Pasukan Apit Roda Bermotor MPK kerana halang lalu-lintas.

MPK tubuh Pasukan Apit Roda Bermotor

SINAR HARIAN 7/8/2017

KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menubuhkan Pasukan Apit Roda Bermotor untuk melakukan pemeriksaan terhadap kenderaan yang didapati memakir kenderaan secara 'double parking' bagi memastikan tindakan penguatkuasaan lebih efektif.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MMPK, Ezad Zainal Muhammad Safian berkata, tindakan sesetengah pengguna memakir kenderaan mereka secara tidak betul menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Menurutnya, pihaknya menerima banyak aduan daripada orang awam mengenai situasi tersebut terutama di lokasi tumpuan seperti di Jalan Putra Square dan lain-lain.

"MPK telah melaksanakan alternatif baru iaitu dengan mewujudkan pasukan apit roda bermotor seramai 14 anggota sebagai permulaan.

"Setiap anggota dibekalkan dengan sebuah motosikal dan satu unit alat apit roda yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 5 petang memandangkan waktu

ini adalah waktu kemuncak berlakunya 'double parking'.

"Pasukan apit roda bermotor ini akan mengutamakan kenderaan yang menghalang laluan berbanding kenderaan yang mempunyai kompaun yang tertunggak," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Ezad Zainal berkata, jumlah kompaun apit roda yang perlu dibayar adalah sama iaitu RM50.

Katanya, MPK berharap agar masalah masalah kesesakan lalu lintas dapat diatasi dengan adanya pasukan berkenaan dan mendidik masyarakat supaya mematuhi peraturan.

• Bangsa Berbudi & Penyayang •

My #QuranHour

MERDEKA

#QuranHour

...satu permulaan

9 ZULHIJAH 1438 H / 21 AGOS 2017